

# 85 peratus rakyat tak terkesan penyiasaran subsidi RON95

Hanya golongan T15, warga asing terbabit manakala rakyat biasa kekal nikmati harga RM2.05 seliter

Oleh Izwan Abdullah  
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Rakyat tidak perlu bimbang terhadap pelaksanaan penyiasaran subsidi petrol RON95 yang dijangka dilaksanakan pertengahan 2025, kerana 85 peratus daripada mereka tidak akan terkesan dengan langkah itu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, rakyat biasa tidak perlu bimbang kerana mereka akan kekal menikmati harga subsidi RON95 pada kadar RM2.05 seliter.

Katanya, penyiasaran berkeriaan apabila dilaksanakan kelak adalah usaha untuk menghentikan 40 peratus bahan api bersubsidi itu yang selama ini dinikmati golongan kaya T15 dan warga asing.

“Petrol (RON95) di Malaysia adalah yang paling murah, berbanding Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan malah Arab Saudi. Di Arab Saudi harga seliter ialah RM2.65 berbanding Malaysia RM2.05.

“Sekarang kita bantu dengan subsidi sehingga RM20 bilion setahun supaya harga (RON95) tidak naik. Sekarang ini subsidi

petrol ini (dinikmati) semua termasuk warga asing, yang tiada kad pengenalan pun kita bantu (subsidi), orang kaya dengan rumah banglo lima buah, untung (perniagaan) RM10 juta tapi subsidi petrol kita bagi.

“Jadi, golongan T15 yang paling kaya, campur dengan orang asing, mereka ini mengguna 40 peratus petrol bersubsidi bernilai RM8 bilion setahun,” katanya ketika merasmikan Program Madani Rakyat 2024 Sayangi Sabah, di Kompleks Sukan Likas, di sini, semalam.

Program bermula kelmarin hingga hari ini itu dianjurkan menerusi kolaborasi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah (KPMKR) dan Unit Penyelidikan Lonjakan Prestasi (PACU) Jabatan Perdana Menteri.

Hadir sama Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali.

Sabah adalah lokasi terakhir pengumuman Program MADANI Rakyat 2024 selepas Zon Tengah di Selangor, Zon Utara di Pulau Pinang, Zon Timur di Pahang, Zon Selatan di Johor dan Zon Sarawak baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri menyifatkan, 40 peratus RON95 digunakan golongan kaya dan warga asing menunjukkan



Anwar bersama Hajiji ketika merasmikan Persidangan Ekonomi Biru Antarabangsa Sabah (SIBEC 2024) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), Kota Kinabalu, semalam. (Foto BERNAMA)

kerajaan bermurah hati dengan luar biasa.

“Istilah lainnya ialah kerajaan kurang cerdas, sebab itu kita kena fikir bagaimana untuk ubah. Rakyat biasa, jangan bimbang 85 peratus kekal menikmati harga RM2.05 seliter, yang kaya bayarlal lebih sikit ikut harga pasaran,” katanya.

Beliau turut membidas pihak tertentu yang mempersoalkan penyiasaran subsidi itu yang seolah-olah menyokong agar warga asing dan golongan paling kaya terus menikmati subsidi kerajaan.

“Kalau kamu wakil rakyat Malaysia, kamu harus sokong usaha untuk tidak membebankan rakyat, tapi kutip harga yang berpatutan dari orang kaya supaya jumlah itu boleh diberikan kepada rakyat,” katanya.

Sempena program itu, Anwar turut melancarkan inisiatif ba-

haru kerajaan melalui KPDN, Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan (GEMPUR).

Inisiatif Kita GEMPUR dilaksanakan KPDN itu adalah langkah strategik kerajaan untuk menangani isu manipulasi dalam aktiviti perniagaan dan ketirisan yang membabitkan barang kawalan dan bersubsidi.

Ia termasuk mengekang penipuan dalam talian, membanteras monopoli bermasalah dan kewujudan kartel dalam bentuk pakatan harga, pasaran, pengeluaran dan tipuan bida.

## Guna dana dengan cekap

Sementara itu, ketika berucap pada Majlis Pelancaran Persidangan Ekonomi Biru Antarabangsa Sabah (SIBEC 2024) bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), Perdana

Menteri menggesa kerajaan Sabah menggunakan peruntukan untuk pembangunan negeri ini dengan cekap dan efektif kerana menerima peruntukan tertinggi dalam Belanjawan 2025.

“Tolong hargai di mana peruntukan untuk Sabah adalah yang paling tertinggi direkodkan. Adakah ia boleh menyelesaikan semua masalah seperti sekolah dan hospital? Tidak tetapi ia percubaan yang baik dan kita (Kerajaan Persekutuan) akan terus melakukannya.

“Sekarang, tugas anda (kerajaan Sabah) adalah untuk melaksanakannya (menggunakan peruntukan) secara telus dan cekap. Saya tidak mahu sebarang kerugian akibat kelewatan dan rasuah. Bekerjalah sebagai satu pasukan. Kini menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan ia berfungsi,” katanya.